



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail (tengah) melihat contoh dadah ketika Program Hijrah Minda Kempen Menjauhi Dadah Peringkat Masjid Seluruh Perlis di Masjid Jamek Kampung Binjal, Utan Aji, Kangar, kelmarin.

# Keruntuhan moral akibat dadah kian membimbangkan

um/10.4.12/27/S/D/Ps - Patah

KANGAR 9 April - Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail amat sedih dengan keruntuhan moral, akhlak serta peribadi sesetengah masyarakat hari ini, khususnya generasi muda kerana dadah.

Paling menyedihkan titah baginda, pembabitan pelajar dengan pelbagai perlakuan jenayah, seperti pecah rumah dan samun yang berpunca daripada gejala dadah.

Baginda yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bertitah, jenayah dan keruntuhan moral itu kian berleluasa kerana pelakunya gagal mengawal emosi serta tidak memiliki nilai mulia dalam diri sendiri.

Pada masa yang sama, titah baginda, pelaku jenayah itu pula langsung tidak berdisiplin, kerana membenarkan nafsu menguasai diri dan mereka secara terbuka mengabaikan agama yang dianutti.

"Penyalahgunaan dadah menjadi ancaman besar kepada masyarakat. Penagihan dadah kini bukan hanya melibatkan golongan berpendapatan rendah, malah kumpulan kaya dan berpendidikan tinggi juga turut terjebak," keluh baginda lagi.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah demikian ketika melancarkan Program Hijrah Minda Kempen Menjauhi Dadah Peringkat Masjid Seluruh Perlis anjuran MAIPs dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan di Masjid Jamek Kampung Binjal, Utan Aji di sini, semalam.

Raja Muda Perlis bertitah, ada beberapa penyebab utama yang merangsang seseorang itu terjebak dengan dadah iaitu kurangnya didikan atau penghayatan terhadap agamanya sendiri.

"Faktor-faktor lain pula ialah ditindak lebih awal. Bak kata pepatah, 'mencegah adalah lebih baik daripada merawat', " titah Raja Muda Perlis lagi.

garuh rakan sebaya dan disebabkan runtuohnya institusi kekeluargaan mereka sendiri," titah baginda.

Sehubungan itu, baginda mengajak masyarakat untuk melihat secara serius terhadap statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan atau BIONADI iaitu 10,383 orang dikesan menagih dadah sejak Januari hingga November 2011.

Baginda turut bimbang kerana etnik Melayu merupakan penagih teramai iaitu 78.19 peratus.

"Pihak kerajaan wajar lebih giat mengadakan kempen dan penguasaan undang-undang yang cukup tegas bagi menanganinya. Semua pihak pula perlu berganding bahu mengatasi masalah ini.

"Marilah kita sama-sama bertindak lebih awal. Bak kata pepatah, 'mencegah adalah lebih baik daripada merawat', " titah Raja Muda Perlis lagi.